# KRITERIA BORANG NYATA TIDAK LENGKAP YANG TIDAK BOLEH DITERIMA

***CRITERIA ON INCOMPLETE RETURN FORM WHICH IS UNACCEPTABLE***

## PEMBERITAHUAN

**BORANG NYATA TIDAK LENGKAP YANG TIDAK BOLEH DITERIMA TIDAK AKAN DIPROSES DAN SURAT PEMBERITAHUAN AKAN DIKELUARKAN. PENALTI DI BAWAH SUBSEKSYEN 112(3) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 AKAN DIKENAKAN ATAU TINDAKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 112(1) / 112(1A) / PERENGGAN 120(1)(b) AKTA YANG SAMA AKAN DIAMBIL JIKA BERLAKU KELEWATAN / KEGAGALAN DALAM MENGEMBALIKAN SEMULA BORANG NYATA TERSEBUT KEPADA LHDNM**

## *NOTIFICATION*

***AN INCOMPLETE RETURN FORM WHICH IS UNACCEPTABLE WILL NOT BE PROCESSED AND A NOTIFICATION LETTER WILL BE ISSUED. PENALTY UNDER SUBSECTION 112(3) OF THE INCOME TAX ACT 1967 WILL BE IMPOSED OR ACTION UNDER SUBSECTION 112(1) / 112(1A) / PARAGRAPH 120(1)(b) OF THE SAME ACT SHALL BE TAKEN FOR LATE / NON-RESUBMISSION OF THE RETURN FORM TO LHDNM***

| **BIL.** *NO.* | **PERKARA** *SUBJECT* | **CATATAN** *NOTES* | **PENERANGAN** *DETAILS* |
|---|---|---|---|
| 1. | Tidak menggunakan Borang Nyata yang ditetapkan oleh LHDNM.<br><br>*Failure to use the prescribed Return Form issued by IRBM.* | (i) Hanya Borang Nyata **ASAL** yang ditetapkan oleh LHDNM akan diterima. Menggunakan salinan fotostat Borang Nyata atau pengisian maklumat dengan menggunakan PENSEL adalah tidak dibenarkan.<br><br>*Only the **ORIGINAL** Return Form issued by IRBM will be accepted. Photostat copy of the Return Form or the use of PENCIL for filling in the information is not allowed.* | Spesifikasi cetakan Borang Nyata yang diterima:<br>*Accepted Return Form printing specification:*<br><br>(a) Jenis Kertas *Paper Type* : Plain white A4 * (210mm x 297mm) / 80gsm (minimum)<br>* Bukan kertas kitar semula<br>* *Not recycled paper* |
| | | (ii) Borang Nyata tidak boleh dihantar melalui faks.<br><br>*The Return Form cannot be sent via fax.* | (b) Orientasi Kertas *Paper Orientation* : Portrait |

| **BIL.** *NO.* | **PERKARA** *SUBJECT* | **CATATAN** *NOTES* | **PENERANGAN** *DETAILS* |
|---|---|---|---|
| | | (iii) Borang Nyata dalam format PDF yang dicetak dari Portal Rasmi LHDNM yang tidak memenuhi spesifikasi cetakan adalah tidak dibenarkan.<br>*PDF format of the Return Form printed from the IRBM Official Portal which does not comply with the printing specification is not allowed.* | (c) Teknologi Cetakan *Printing Technology* : Laser |
| | | (iv) Menggunakan Borang Nyata yang dicetak dalam format sendiri adalah tidak dibenarkan.<br>*The Return Form printed by using own format is not allowed.* | (d) Warna Cetakan *Printing Colour* : Pure Black / Monochrome<br>(e) Kualiti cetakan *Printing Quality* : Single sided / 1 sheet per page / 300 dpi |
| | | (v) Menggunakan Borang Nyata yang ditandakan 'Untuk Rujukan Sahaja' yang dicetak dari Portal Rasmi LHDNM adalah tidak dibenarkan.<br>*Using the Return Form marked 'For Reference Only' which is printed from the IRBM Official Portal is not allowed.* | |
| | | (vi) Terdapat muka surat yang tercicir daripada Borang Nyata yang dikemukakan oleh pembayar cukai / wakil pembayar cukai.<br>*There are missing pages from the Return Form submitted by the taxpayer / taxpayer's representative.* | Pembayar cukai hendaklah memastikan muka surat dalam Borang Nyata adalah mencukupi seperti Borang Nyata asal yang dikeluarkan oleh LHDNM.<br>*The taxpayer is required to ensure that the pages in the Return Form are adequate as per the original Return Form issued by IRBM.* |

| **BIL.** *NO.* | **PERKARA** *SUBJECT* | **CATATAN** *NOTES* | **PENERANGAN** *DETAILS* |
|---|---|---|---|
| 2. | Tidak menggunakan Borang Nyata yang ditetapkan oleh LHDNM bagi tahun taksiran berkaitan.<br>*Failure to use the prescribed Return Form issued by IRBM for the relevant year of assessment.* | Tahun taksiran yang tertera pada Borang Nyata tidak boleh dipinda **kecuali** bagi pengeluaran Surat Penyelesaian Cukai.<br>*The year of assessment printed on the Return Form should not be altered **except** for the issuance of Tax Clearance Letter.* | Pembayar cukai hendaklah menggunakan Borang Nyata yang ditetapkan oleh LHDNM bagi tahun taksiran berkaitan.<br>*The taxpayer is required to use the Return Form prescribed by IRBM for the relevant year of assessment.* |
| 3. | Kesilapan dalam maklumat asas yang diisi dalam Borang Nyata.<br>*Error in the basic information entered in the Return Form.* | Terdapat kesilapan dalam maklumat asas yang diberikan dalam Borang Nyata seperti:<br>**Nama**,<br>**Nombor Pengenalan** atau<br>**Nombor Pendaftaran**.<br><br>*There is error in the basic information given in the Return Form such as:*<br>***Name**,*<br>***Identification Number** or*<br>***Registration Number**.* | Pembayar cukai hendaklah memastikan bahawa maklumat yang dikemukakan adalah betul dan tepat.<br>Pembayar cukai perlu mengemukakan salinan Notis Pendaftaran Nama Baharu / Perakuan Pemerbadanan / kad pengenalan / pasport jika terdapat perbezaan dengan maklumat yang dilaporkan sebelum itu kepada LHDNM.<br>*The taxpayer is required to ensure that all information submitted is true and accurate.*<br>*If the current information is different from the information previously reported to IRBM, the taxpayer is required to enclose a copy of the Notice of Registration of New Name / Certificate of Incorporation / identity card / passport.* |
| 4. | Menggunakan Borang Nyata pembayar cukai lain.<br>*Using another taxpayer's Return Form.* | Membuat pindaan kepada maklumat asas pracetak pada Borang Nyata pembayar cukai lain untuk kegunaan diri sendiri adalah tidak dibenarkan.<br>*Changes made to the basic information on the preprinted Return Form of another taxpayer for his own use is not allowed.* | |

| **BIL.** ***NO.*** | **PERKARA** ***SUBJECT*** | **CATATAN** ***NOTES*** | **PENERANGAN** ***DETAILS*** |
|---|---|---|---|
| 5. | Kesilapan atau tidak memasukkan tarikh tempoh perakaunan dan / atau tempoh asas yang lengkap dalam Borang Nyata.<br>*Error or failure in filling up the complete date of the accounting period and / or basis period in the Return Form.* | Terpakai untuk Borang Nyata bagi C1, PT, TA, TC, TR dan TN sahaja.<br>*Only applicable to the Return Form for C1, PT, TA, TC, TR and TN.* | Pembayar cukai hendaklah memastikan tarikh tempoh perakaunan dan tempoh asas yang dimasukkan adalah betul dan lengkap.<br>*The taxpayer is required to ensure that the date of the accounting period and basis period are correct and complete.* |
| 6. | Tidak mengemukakan borang tuntutan relif kumpulan [Borang (RK-T) / Borang (RK-S)] bagi Borang TN.<br>*Non-submission of group relief claim form [Form (RK-T) / Form (RK-S)] for Form TN.* | Terpakai untuk Borang TN sahaja.<br>*Applicable to Form TN only.* | Syarikat atau amanah perniagaan yang menuntut / menyerahkan kerugian di bawah peruntukan relif kumpulan hendaklah mengemukakan Borang (RK-T) / Borang (RK-S) bagi Borang TN, yang mana berkenaan.<br>*The company or business trust which claims / surrenders loss under the group relief provision is required to submit Form (RK-T) / Form (RK-S) for Form TN, whichever applies.* |
| 7. | Kesilapan dalam amaun yang dimasukkan dan pengiraan cukai yang salah dalam Borang Nyata.<br>*Mistake in the amount entered and tax computation error in the RETURN FORM.* | (i) Bahagian: Pendapatan sehingga Cukai Kena Dibayar / Dibayar Balik<br>*Part: Income until Tax Payable / Repayable*<br>- Kesilapan dalam amaun yang dimasukkan di ruangan dari Bahagian 'Pendapatan' sehingga Bahagian 'Cukai Kena Dibayar / Dibayar Balik'.<br>*Mistake in the amount entered for items in the sections from 'Income' until 'Tax Payable / Tax Repayable'.* | Pembayar cukai hendaklah memastikan amaun yang dimasukkan dan pengiraan cukai adalah benar dan tepat.<br>*The taxpayer must ensure that the amount inserted and the tax computation are correct and accurate.* |

| **BIL.** *NO.* | **PERKARA** *SUBJECT* | **CATATAN** *NOTES* | **PENERANGAN** *DETAILS* |
|---|---|---|---|
| | | (ii) Bahagian: Cukai Kena Dibayar<br>*Part: Tax Payable*<br>(a) Jumlah amaun di ruangan 'Pecahan Pendapatan Bercukai' tidak sama dengan amaun di ruangan 'Pendapatan Bercukai'.<br>*The sum of amounts in the column under 'Apportionment of Chargeable Income' is different from the amount in the 'Chargeable Income' item.*<br>(b) Ada amaun diisi di ruangan 'Pendapatan Bercukai' tetapi pengiraan cukai tidak ditunjukkan.<br>*There is amount entered in the 'Chargeable Income' item but the tax computation is not shown.*<br>(c) Pecahan Pendapatan Bercukai tidak mengikut jadual cukai yang dikeluarkan oleh LHDNM.<br>*The apportionment of Chargeable Income is not according to the tax schedule issued by IRBM.*<br>(d) Menggunakan kadar cukai yang salah.<br>*Use of incorrect tax rate.* | |

| BIL. *NO.* | PERKARA *SUBJECT* | CATATAN *NOTES* | PENERANGAN *DETAILS* |
|---|---|---|---|
| | | (e) 'Jumlah Cukai Pendapatan' berbeza dengan pengiraan cukai pendapatan.<br>*'Total Income Tax' is different from the income tax computation.*<br><br>(f) Jumlah Pendapatan Bercukai salah disebabkan kesilapan matematik.<br>*Incorrect total Chargeable Income due to mathematical error.*<br><br>(g) Mengisi amaun 'Cukai Kena Dibayar' di ruangan 'Cukai Dibayar Balik' atau sebaliknya.<br>*The amount for 'Tax Payable' item is wrongly entered in the 'Tax Repayable' item or vice-versa.*<br><br>(h) Amaun tuntutan di bawah 'Pelepasan cukai seksyen 132 dan 133' melebihi amaun 'Jumlah Cukai Yang Dikenakan'.<br>*Amount claimed under 'Section 132 and 133 tax relief' exceeds the amount of 'Total Tax Charged'.* | |

| **BIL.** *NO.* | **PERKARA** *SUBJECT* | **CATATAN** *NOTES* | **PENERANGAN** *DETAILS* |
|---|---|---|---|
| 8. | Butiran di Bahagian 'Akuan' Borang Nyata tidak diisi dengan betul atau tidak dilengkapkan.<br>*The particulars given in the 'Declaration' section of the Return Form is either incorrectly filled or incomplete.* | (i) Tiada maklumat berikut:<br>*No information for the following:*<br>(a) Nama<br>*Name*<br>(b) No. Pengenalan / Pasport<br>*Identification / Passport No.*<br>(c) Jawatan<br>*Designation*<br><br>(ii) Tandatangan<br>*Signature*<br>(a) Tiada tandatangan.<br>*No signature.*<br>(b) Tandatangan di luar petak yang disediakan dalam borang.<br>*The signature is outside the box provided in the form.*<br>(c) Menggunakan cap tandatangan.<br>*Use of signature stamp.*<br>(d) Borang Nyata bukan ditandatangani oleh pemegang jawatan yang layak (bagi pihak sesuatu syarikat / kumpulan orang) seperti dikehendaki di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. | Borang Nyata yang tidak ditandatangani tidak akan diproses. Penggunaan cap tandatangan adalah tidak dibenarkan. Butiran di bahagian ini hendaklah diisi dengan betul dan lengkap.<br>*Return Form which is not duly signed will not be processed. Signature stamp is not allowed. The particulars filled in this section must be correct and complete.* |

| **BIL.** *NO.* | **PERKARA** *SUBJECT* | **CATATAN** *NOTES* | **PENERANGAN** *DETAILS* |
|---|---|---|---|
| | | *The Return Form is not signed by a person who is empowered to sign (on behalf of a company / body of persons) as required under the Income Tax Act 1967.* | |
| | | (iii) Butiran di Bahagian 'Akuan' adalah tidak sama dengan maklumat asas pembayar cukai walaupun akuan menunjukkan 'Borang Nyata diisi bagi pihak sendiri'.<br>*Particulars in the 'Declaration' section is different from the taxpayer's basic information although the declaration indicates that 'This return form is made on my own behalf'.* | |
| 9. | Penyata C.P.8D Tidak Lengkap<br>*Incomplete C.P.8D Statement* | (i) Data yang dikemukakan tidak dapat diproses.<br>*Unable to process the data submitted.* | Peranti yang dibenarkan untuk pengemukaan C.P.8D adalah cakera padat / pemacu USB / cakera keras luaran.<br>*The allowed devices for C.P.8D submission are compact disc (CD) / USB drive / external hard disk.* |
| | | (ii) C.P.8D dikemukakan dengan menggunakan kaedah **selain daripada** e-Filing, borang C.P.8D kertas dan peranti yang dibenarkan.<br>*C.P.8D is submitted using modes **other than** e-Filing, paper form C.P.8D, and allowed devices.* | |

| **BIL.** ***NO.*** | **PERKARA** ***SUBJECT*** | **CATATAN** ***NOTES*** | **PENERANGAN** ***DETAILS*** |
|---|---|---|---|
| | | (iii) Mengemukakan C.P.8D bagi lebih daripada satu majikan dalam satu peranti adalah TIDAK dibenarkan. <br>*Submisson of C.P.8D for more than one employer within one device is NOT allowed.* | |
| | | (iv) Maklumat C.P.8D dalam borang kertas atau peranti tidak menggunakan format yang telah ditetapkan oleh LHDNM. <br>*Failure to use the format prescribed by IRBM for C.P.8D information in the paper form or device.* | |